

BMX boleh raih emas



Kangar: Skuad berbasikal Terengganu akan memulakan aksi dalam saingan acara BMX yang dilihat boleh menyumbang emas pertama buat mereka pada temasya Sukan Malaysia (SUKMA) XVII di Perlis hari ini.

Bertempat di Sungai Batu Pahat, tiga atlet mereka akan bersaing membabitkan dua kategori lelaki dan seorang wanita.

Pengurus pasukan, Zulkarnain Abdullah berkata anak buahnya sudah bersedia 100 peratus bagi mengharungi cabaran itu dan kini sudah memasuki fasa akhir persediaan selepas sebulan di Chieng Rai dan kini berkampung di Felda Chuping sebagai medan latihan terakhir.